



**A**nak kelahiran Ipoh, Perak, Syaidatul Afifah Badrul Hamidi atau lebih mesra dengan panggilan Afifah, sememangnya terkenal dalam sukan bowling; semanis dan secantik empunya diri serta tangkas di trek bowling. Antara pencapaian terbaik Afifah termasuklah memenangi pingat emas berpasangan wanita di Kejohanan Asia 2015 di Bangkok, pingat emas berpasukan wanita di Kejohanan Boling Dunia 2017 di Las Vegas (Amerika Syarikat, Amerika Syarikat) dan pingat emas trio berpasukan wanita di Sukan Asia 2018 di Palembang (Indonesia). Namun begitu, pada awal September lalu, Afifah memuktamadkan keputusannya untuk meninggalkan skuad bowling kebangsaan selepas 11 tahun mengharumkan nama negara dalam sukan tersebut.

## SELAMAT TINGGAL DUNIA BOLING

-Syaidatul Afifah  
Badrul Hamidi

Oleh Rosli Mohd Nordin

“Saya membuat keputusan untuk bersara daripada sukan boling kerana ingin memberikan fokus kepada kerjaya yang lebih menjamin masa hadapan. Keputusan ini dibuat untuk menentukan hala tuju hidup saya. Walaubagaimanapun, saya tidak mengatakan bahawa sukan boling tiada masa hadapan kerana melalui sukan bolinglah masyarakat mengenali saya. Namun begitu, cukuplah untuk 11 tahun ini. Sudah tiba masanya untuk saya memikirkan karier yang lebih stabil dan berani untuk mencuba pelbagai bidang,” ujar Afifah.

Pemain boling negara yang berusia 29 tahun itu telah menghantar surat untuk menarik diri daripada skuad kebangsaan kepada Majlis Sukan Negara dan Kesatuan Tenpin Boling Malaysia pada 1 September 2020. Persaraan Afifah itu disifatkan satu kerugian buat industri sukan tanah air. Walau bagaimanapun, keputusan yang dilakukan oleh atlet tenpin boling negara itu harus diterima secara positif oleh semua pihak. *Dewan Siswa* pada kali ini mengimbas kejayaan Afifah dengan mendekati latar kehidupannya.

“Saya seorang yang sangat aktif dalam bidang sukan sejak di bangku sekolah rendah dan menengah. Antara sukan lain selain sukan boling yang saya sering sertai termasuklah larian 100 meter, larian 4x100 meter dan bola jaring. Oleh sebab saya terlalu aktif dan banyak menyertai pelbagai pertandingan boling pada pelbagai peringkat, saya sering dimarahi oleh guru kerana gagal menyiapkan kerja sekolah,” cerita Afifah yang sangat menggemari mata pelajaran Sains.

Menyentuh mengenai kenangan manisnya ketika di sekolah menengah, Afifah mendapat gelaran olahragawati sekolah selama tiga tahun berturut-turut di Sekolah Menengah Kebangsaan Main Convent dan Sekolah Menengah Kebangsaan Gunung Rapat, Ipoh, Perak. Namun begitu, bukan mudah untuknya mempertahankan gelaran tersebut. Penglibatan dan kejayaan yang konsisten dalam pelbagai pertandingan boling turut menyebabkan pencapaiannya di



Sukan boling menyatukan rakyat Malaysia dan menjadikannya antara sukan popular di Malaysia.

Ketika di sekolah menengah, Afifah mendapat gelaran olahragawati sekolah selama tiga tahun berturut-turut.

sekolah menengah itu membantunya mempertahankan gelaran olahragawati tersebut.


Mengimbas kembali cita-cita asal gadis yang berketinggian 169 sentimeter dan mempunyai berat badan 55 kilogram ini, Afifah sebenarnya ingin terlibat secara serius dalam bidang penyiaran.

“Saya berminat untuk menjadi pembaca berita, wartawan penyiaran atau personaliti televisyen kerana melihat kerjaya ini amat menarik untuk diceburi,” jelas Afifah yang turut menjadikan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim sebagai idolannya.

“Tidak banyak yang saya dapat kongsi tentang zaman pembelajaran di universiti kerana saya menangguhkan pengajian kerana sering terlibat dalam pelbagai pertandingan boling sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Sebenarnya saya sempat melanjutkan pengajian di SEGI College, Kota Damansara dalam bidang Pelancongan. Sepanjang di universiti, aktiviti sukan merupakan aktiviti kegemaran saya, ujar Afifah



Afifah memenangi pingat emas trio berpasukan wanita Sukan Asia 2018 di Palembang.



Afifah beraksi ketika di satu kejohanan boling.

yang menjadikan bintang tenis antarabangsa, Maria Sharapova sebagai idolanya dalam bidang sukan.

Mengimbas kembali penglibatan atlet yang lahir pada 23 Oktober 1991 ini, Afifah memaklumkan bahawa beliau dipengaruhi oleh ayahnya, Badrul Hamidi Gam, yang juga bekas pemain boling.

“Ayah saya merupakan individu yang paling banyak mempengaruhi dan mencorakkan kehidupan saya dari pelbagai sudut kehidupan. Ayah sering membawa saya ke pusat boling. Dari situlah minat saya dalam sukan ini berputik. Ayah melihat saya mempunyai bakat dalam sukan ini setelah melihat teknik dan cara saya mengendalikan lontaran bola boling. Bak kata pepatah Melayu, ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi. Begitulah perumpamaan yang menggambarkan saya yang mewarisi kemahiran ayah membuat balingan bola boling,” ujar Afifah yang menggemari makanan seperti susy dan tomyam.

Sukan boling mempunyai cabarannya sendiri walaupun tidak melibatkan kekuatan fizikal secara total seperti sukan lain. Yang sebenarnya, sukan ini sangat mencabar kawalan minda, pernafasan dan kekuatan tangan.

“Apabila kita melihat pemain boling membuat lontaran, kelihatannya sangat mudah dan tidak memerlukan latihan yang padat, namun hal adalah sebaliknya. Setiap pemain boling mempunyai rutin latihan yang ketat dan konsisten. Kami perlu berdisiplin lebih-lebih lagi ketika menjelang pertandingan besar. Pemakanan atau diet juga dititikberatkan selain rehat atau tidur yang cukup.

“Saya perlu berlatih pada setiap hari untuk kekal konsisten dari segi balingan dan memastikan kekuatan tangan. Jika mempunyai masalah peribadi, hal itu harus diketepikan buat sementara waktu. Seperti yang saya nyatakan, kawalan minda amat penting jika ingin mencipta nama atau bergelar juara dalam sukan boling,” tegas Afifah yang menggemari warna merah jambu dan ungu.



**Kejayaan Afifah:**

- Pingat emas di Kejohanan Boling Dunia 2017
- Pingat emas di Temasya Sukan Asia 2018
- Pingat emas di Temasya Sukan SEA 2015 & 2017
- Juara Kejohanan Terbuka Malaysia 2015
- Pingat gangsa di Kejohanan Boling Piala Dunia Shanghai 2016



Afifah (yang kedua dari kiri) bersama-sama rakan sekolah.



Afifah bersama-sama keluarganya.

“Pilih dan lakukan sesuatu dengan minat yang tinggi. Dengan minat itu, kita boleh melakukan sesuatu itu dengan ikhlas dan bekerja keras untuk mencapai kejayaan.”

Kejayaannya menjadi juara dunia selepas memenangi pingat emas dalam Kejohanan Boling Dunia 2017 di Las Vegas membuatnya amat berpuas hati sepanjang terlibat dalam sukan boling secara serius selama 11 tahun ini.

Ketika bercerita tentang kenangan pahit dirinya selama terlibat dalam sukan boling, Afifah pernah berasa kecewa. Ketika Afifah menaruh harapan yang tinggi untuk merangkul gelaran juara atau sekurang-kurangnya tempat ketiga dalam pertandingan tertentu, beliau sebenarnya tidak mendapat sebarang tempat dalam pertandingan sebenar. Afifah juga menyifatkan pengundurannya dalam sukan boling mempunyai hikmah yang tersendiri.

“Berdasarkan pelbagai pertimbangan, saya perlu berundur dalam sukan ini untuk menerokai bidang lain. Saya tidak menyesali tindakan ini kerana telah banyak kenangan manis yang saya kecapai selama bergelar pemain boling profesional,” tegas Afifah yang menjadikan moto hidupnya – yakin akan diri sendiri, membuat sesuatu yang diminati dan kejayaan akan mendatangi diri.

Sebelum mengakhiri sesi temu ramahnya bersama-sama Dewan Siswa, Afifah menitipkan pesan buat para remaja dan belia yang ingin mencipta kejayaan dalam bidang yang diminati.

“Pilih dan lakukan sesuatu dengan minat yang tinggi. Dengan minat itu, kita boleh melakukan sesuatu itu dengan ikhlas dan bekerja keras untuk mencapai kejayaan. Jangan bimbang jika gagal kerana dengan kegagalan itulah kita belajar tentang sesuatu dan memperbaikinya,” pesan Afifah sebelum mengakhiri perbualan. 📄